

29/11/1997

Malaysia elak bantuan IMF (HL)

Khaidir Abdul Majid in Tokyo

TOKYO, Jumaat - Malaysia akan cuba bertahan daripada meminta bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dalam menghadapi masalah ekonominya kerana langkah itu hanya akan menambah beban rakyat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, syarat yang ditetapkan mengikut bantuan kewangan IMF tidak menjurus sangat kepada membantu negara yang menghadapi masalah tetapi lebih bertumpu kepada meningkatkan keupayaan negara membayar semula hutang kepada bank dan institusi kewangan asing.

"Saya tidak boleh menolak 100 peratus kemungkinan Malaysia meminta bantuan IMF tetapi kita akan bertahan daripada berbuat demikian sejauh yang mampu," katanya dalam temuramah dengan akhbar kewangan Nihon Keizai Shimbun dan TV Tokyo di sini, hari ini.

Dalam temuramah itu, Dr Mahathir yang singgah di sini untuk lawatan kerja dua hari selepas menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Vancouver, Kanada ditanya mengenai pelbagai perkara berkaitan masalah mata wang yang dihadapi dunia sekarang dan cadangan beliau supaya urus niaga mata wang itu dikawal selia.

Perdana Menteri menjelaskan, masalahnya bukanlah untuk meminta bantuan IMF, tetapi syarat tabung itu yang dikenakan kepada negara penerima.

Ada tiga syarat utama bantuan IMF yang akan menjejaskan sesebuah negara penerima bantuan. Satu daripadanya ialah negara penerima membuka pasaran kewangannya.

"Ini bermakna bank tempatan tidak akan wujud lagi kerana akan diambil alih bank asing yang lebih besar. Kita sudah melihat perkara ini berlaku di banyak negara. Jika pasaran sesebuah negara dibuka, bank asing akan membeli bank tempatan. Ini bermakna kita tidak akan lagi mempunyai bank tempatan dan tidak mampu membuat perubahan dasar," katanya.

Syarat kedua yang membebankan negara penerima ialah keperluan meningkatkan kadar faedah. Syarat ini bermakna perniagaan akan terbantut dan tidak dapat berkembang.

Syarat ketiga bantuan IMF ialah supaya negara penerima meningkatkan cukai.

"Nilai mata wang negara penerima sudahpun jatuh dan ini bermakna rakyatnya bertambah miskin. Jika cukai dinaikkan dalam keadaan ini, beban rakyat bertambah.

"Syarat bantuan IMF hanya bermakna institusi asing akan berupaya mendapat wang mereka semula tetapi rakyat negara penerima sengsara.

"Saya tidak fikir itu hasrat IMF tetapi itulah kesannya," katanya.

Perdana Menteri juga mengulangi harapan Malaysia untuk tidak meminta bantuan IMF ketika berucap pada majlis dialog dengan tokoh perniagaan di sini pada sebelah petangnya.

"Malaysia berharap tidak akan perlu meminta pinjaman IMF.

"Bagaimanapun, tekanan terhadap Malaysia sangat berat.

"Mata wang terus diserang bersama-sama pasaran sahamnya," katanya.

Dalam temuramah dengan akhbar dan televisyen Jepun, Dr Mahathir turut menjelaskan syornya supaya peraturan dikenakan terhadap kegiatan urus niaga mata wang.

Menurutnya, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) adalah forum yang sesuai untuk membincangkan perkara itu kerana urus niaga mata wang adalah juga kegiatan perdagangan.

IMF pula badan yang sesuai untuk mengawal selia urus niaga mata wang

apabila WTO menetapkan peraturannya.

Beliau berkata, antara peraturan yang boleh diperkenalkan oleh WTO selain menetapkan pedagang perlu didaftarkan dan bursa urus niaga mata wang perlu diwujudkan ialah menghadkan leverage atau gandaan pinjaman yang dikeluarkan oleh bank kepada pedagang mata wang.

(END)